

MAHATHIR - PADI'R'R'R

DARI IDZAN ISMAIL

20/10/1982

PORT MORESBY, PAPUA NEW GUINEA 20 OKTM (BERNAMA)  
DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI MALAYSIA AKAN  
MENGHANTAR BEBERAPA ORANG PAKAR UNTUK MEMBANTU PAPUA NEW GUINEA  
DALAM BIDANG PENANAMAN PADI SECARA BESAR-BESARAN.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN MEMBINCANGKAN PERKARA ITU  
SEKEMBALINYA KE TANAHAIR DENGAN SEKTOR PERLANDANGAN TEMPATAN  
TERMASUK HARRISONS AND CROSSFIELD, GUTHRIE DAN BIME DARBY.

BANTUAN ITU DIBERIKAN BERIKUTAN MINAT YANG DITUNJUKKAN OLEH  
PAPUA NEW GUINEA BAGI MENJAYAKAN PENANAMAN PADI SECARA LADANG  
DISAMPING SECARA KECILAN SEPERTI YANG TELAH DIJALANKAN OLEH MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU DEMIKIAN KEPADA BERNAMA  
SELEPAS MENGADAKAN PERBINCANGAN LEBIH TIGA JAM SETENGAH DENGAN  
TIMBALAN PERDANA MENTERI PAIAS WINGTI DI KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN  
PAPUA NEW GUINEA DI WAIGANI, KIRA-KIRA 11 KM DARI BANDARAYA  
INI.

DALAM PERTEMUAN ITU, ENCIK WINGTI YANG JUGA BERTANGGUNG-  
JAWAB TERHADAP PERANCANGAN NEGARANYA TELAH MEMBERI TAKLIMAT  
MENGENAI PERANCANGAN YANG TELAH DAN AKAN DIJALANKAN DI PAPUA NEW  
GUINEA.

PERDANA MENTERI TELAH MENJEMPUT PARA PEGAWAI PAPUA NEW GUINEA  
MELAWAT MALAYSIA UNTUK MENINJAU SENDIRI PERKEMBANGAN PEMBANGUNAN  
DI SANA TERMASUK USAHA PENANAMAN PADI SECARA BESAR-BESARAN.

--LAGI 1250/MD

B546

MAHATHIR-PAPUA 2 PORT MORESBY

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN RAKAN SEJAWATNYA ENCIK MICHAEL SOMARE DAN BELIAU KAGUM DENGAN KEJAYAAN MALAYSIA DALAM HAMPPIR SEMUA BIDANG SERTA INGIN MENCONTOHI PENGALAMAN ITU.

ANTARA PERKARA YANG DIBINCANGKAN SECARA UMUM DALAM PERTEMUAN ITU IALAH PEMBANGUNAN SEMULA TANAH, TEKNOLOGI PENANAMAN DAN PENYELIDIKAN GETAH, BERTA KELAPA SAWIT, SISTEM PELABURAN MALAYSIA, SEKTOR INDUSTRI PERLADANGAN DAN PENTADBIRAN DAERAH DAN KAMPUNG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA PAPUA NEW GUINEA MASIH DALAM PERINGKAT AWAL PEMBANGUNAN, NEGARA ITU MEMERLUKAN TUNJUK AJAR DALAM BIDANG PEMBANGUNAN DI MALAYSIA.

KATANYA, MALAYSIA BERSEDIA MENAWARKAN KEMUDAHAN LATIHAN KEPADA PAPUA NEW GUINEA DALAM BERBAGAI JURUSAN SELARAS DENGAN HASRAAT KERAJAAN UNTUK MELIHAT KERJASAMA RAPAT ANTARA KEDUA-DUA NEGARA UNTUK FAEDAH BERSAMA. --LAGI 1253/MD

MAHATHIR - PAPUA 3 PORT MORESBY

MALAYSIA SEBELUM INI TELAH MENGHANTAR RAMAI PAKARNYA UNTUK BERKHIDMAT SEBAGAI PENASIHAT DI PAPUA NEW GUINEA DAN PERDANA MENTERI BERPENDAPAT BANTUAN SEUMPAMA ITU PERLU DITINGKATKAN KERANA NEGARA ITU MASIH MENGHADAPI MASALAH DALAM PEMBANGUNANNYA.

BELIAU MENGHURAIKAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PAPUA NEW GUINEA IALAH TIDAK MEMPUNYAI INFRASTRUKTUR YANG MENCUKUPI, MASALAH PERHUBUNGAN DAN TIDAK MEMPUNYAI SISTEM USAHAWAN DAN PERDAGANGAN YANG BAIK.

DI BAWAH RANCANGAN BANTUAN TEKNIKAL MALAYSIA TELAH MENDYEDIKAN KEMUDAHAN LATIHAN KEPADA PAPUA NEW GUINEA DI INSTITUSI-INSTITUSI SAPERTI INTAN, FELCRA DAN FELDA.

KERAJAAN JUGA TELAH MENGELUARKAN BENIH KELAPA SAWIT DAN GETAH DAN SEHINGGA INI PAPUA NEW GUINEA TELAH DAPAT MENGEKSPORT PENGELUARAN MINYAK KELAPA SAWITNYA.

SEHINGGA TAHUN LALU, PERDAGANGAN DUA HALA ANTARA MALAYSIA BERJUMLAH \$7.3 JUTA SETAHUN MALAYSIA MENGESPORT MINUMAN, GETAH, TAYAR DAN TIUB, BAHAN UBATAN DAN TEKSTIL. --LAGI 1300/MD

B548

MAHATHIR-PAPUA 4 PORT MORESBY

EKSPORT PAPUA NEW GUINEA KE MALAYSIA ADALAH KECIL SAHAJA DAN INI TERMASUK KOPI YANG BELUM DIKISAR DAN TEH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN MALAYSIA DAN PAPUA NEW GUINEA MEMPUNYAI POTENSI BAIK UNTUK MENINGKATKAN KERJASAMA TERUTAMA DALAM BIDANG PERDAGANGAN DI MASA DEPAN KERANA NEGARA ITU MERUPAKAN YANG TERBESAR ANTARA NEGARA KEPULAUAN KECIL DI PASIFIK SELATAN DAN MEMPUNYAI KAWASAN BUKIT BUKAU YANG LUAS UNTUK PEMBANGUNAN.

KATANYA, PAPUA NEW GUINEA BERMINAT MEMANDANG KE ASIA TENGGARA SEBAGAI CONTOH PEMBANGUNAN MEREKA KERANA KEBUDAYAAN DAN PERSEKITARAN MEREKA LEBIH CUCUK DARIPADA AUSTRALIA DI MANA MEREKA MENUHPUKAN PERHATIAN SEBELUM INI. --BERNAMA 1303/

MD